

TEKS UCAPAN ALU-ALUAN YANG DI PERTUA MPSP

SEMPENA

**PERASMIAN PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM,
DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH
SEBERANG PERAI UTARA 2020 DAN DRAF RANCANGAN
TEMPATAN DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH 2020
DI AUDITORIUM MPSP
PADA 15 MAC 2012**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis,

YAB Tuan Lim Guan Eng,
Ketua Menteri Pulau Pinang;

Yang Berhormat - Yang Berhormat
Ahli – Ahli Dewan Undangan Negeri dan Parlimen

Yang Dihormati Tuan Hj Zainuddin bin Ahamad
Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa Pulau
Pinang

Yang Berusaha Tuan Hj Zaini bin Ishak
Pengarah Bahagian Rancangan Pembangunan, Pejabat
Projek Zon Utara, JPBD, Semenanjung Malaysia

Yang Berbahagia Ahli Majlis - Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud
Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang
Perai

Yang Berusaha Encik Mohamed Zamri bin Mohd Zain,
Pengurus Projek Rancangan Tempatan Daerah Seberang
Perai Utara

Yang Berusaha Encik Koh Cher Shen

Pengurus Projek Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Tengah

Yang Berusaha Tuan Hj Ihsan Zainal Moktar
Perunding bagi RTD SPU

Yang Berusaha Puan Herlina bt Abdul Aziz
Perunding bagi RTD SPT

Ketua-Ketua Jabatan

Pengerusi-pengerusi dan Wakil-wakil

JKKK, persatuan penduduk dan pertubuhan bukan kerajaan (ngo)

Rakan-Rakan Media

Dato'-Dato' / Tuan-Tuan / Puan-Puan yang saya hormati sekalian

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh; Selamat

Pagi dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah rahmat Nya, kita semua dapat berkumpul di satu majlis yang saya anggap penting dan bermakna, khususnya kepada seluruh penduduk Daerah Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah ini iaitu bersempena dengan Majlis Perasmian Publisiti & Penyertaan

Awam, Draf RTD Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah 2020.

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada YAB Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang kerana sudi hadir untuk merasmikan majlis Perasmian Publisiti Draf Rancangan Daerah SPU dan SPT. Terima kasih juga kepada YB- YB, Dato'-Dato' / Tuan-tuan/ puan-puan serta hadirin hadirat kerana sudi melapangkan masa, hadir ke majlis Perasmian Publisiti & Penyertaan Awam Draf Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Utara 2020 dan Draf Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Tengah 2020 ini. Majlis ini diadakan dengan kerjasama Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang dan Pejabat Projek Zon Utara.

Kehadiran YAB, YB, Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian merupakan satu bukti keprihatinan hadirin untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam merancang ke masa depan SPU/SPT yang lebih mampan. Seperti mana hasrat kerajaan Negeri, mengalukan **konsep perancangan**

bersama dan mesra rakyat untuk menghasilkan suatu rancangan pemajuan yang baik, ‘*implementable*’ yang akan dapat membantu kerajaan negeri dan MPSP di dalam menghasilkan keputusan-keputusan yang cepat dan tepat. Ini akan menjurus kepada pembentukan persekitaran pembangunan yang lebih sistematik dan berkesan, justeru akan tercapailah suatu **persekitaran yang mampan dan kehidupan penduduk yang selesa dan berkualiti.**

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berbahagia
Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.**

Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) telah memperuntukan lima peringkat penyediaan Rancangan Pemajuan iaitu Rancangan Fizikal Negara di peringkat negara, Rancangan Wilayah di peringkat wilayah, Rancangan Struktur di peringkat negeri, Rancangan Tempatan untuk Majlis Perbandaran dan Rancangan Kawasan Khas untuk kawasan-kawasan yang mempunyai kepentingan khusus.

Penyediaan Rancangan Tempatan adalah menjadi tanggungjawab Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan, maka dengan itu Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) memberi komitmen yang tinggi di dalam menjayakan Draf Rancangan Tempatan ini. Kajian ini disediakan oleh satu Pasukan Petugas daripada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia dengan bantuan kepakaran pihak perunding yang dilantik.

Saya difahamkan kajian ini telah bermula pada 1 April 2005 bagi RTD SPU dan 1 Feb 2006 bagi RTD SPT. Kajian ini terpaksa mengambil masa yang lama untuk dimuktamatkan kerana Draf Rancangan Tempatan SPU dan SPT ini adalah merupakan perancangan di setiap lot (to the lot basic), oleh itu penetilian yang jitu amatlah diperlukan. Hasilnya, rancangan tempatan ini disediakan dengan terperinci menterjemahkan dasar-dasar yang terkandung di dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (RSN) ke dalam cadangan-cadangan yang lebih spesifik bagi mengguna, memaju, memelihara tanah dan memandu

perancangan dan pembangunan di dalam kawasan pentadbiran MPSP untuk tempoh sehingga tahun 2020.

Walaubagaimana pun, sebelum sesuatu Rancangan Tempatan itu diwartakan, Draf Rancangan Tempatan ini melalui dua proses seranta dan penyertaan awam yang termaktub dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 iaitu di peringkat kajian baru bermula dan di peringkat akhir penyediaannya. Proses seranta dan penyertaan awam adalah untuk orang awam boleh diberikan peluang untuk mengemukakan cadangan, ulasan atau maklumbalas yang akan diambilkira dalam memuktamatkan Draf Rancangan Tempatan ini.

Sehubungan dengan itu, orang ramai khususnya penduduk-penduduk di dalam Daerah Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah adalah dialu-alukan untuk melibatkan diri dalam perancangan pembangunan secara lebih efektif dengan memberi pandangan dan maklum balas dengan cara mengisi Borang Maklumbalas yang diberikan. Borang yang siap diisi tersebut bolehlah

dikemukakan kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai bagi tujuan pertimbangan untuk memantapkan lagi Penyediaan Draf Rancangan Tempatan Daerah SPU dan SPT ini nanti.

Tempoh untuk orang awam memberikan pandangan adalah mulai hari ini ; 15 Mac 2012 sehingga 19 April 2012. Pandangan boleh dibuat secara individu atau secara berkumpulan, persatuan, atau JKKK boleh dikemukakan kepada MPSP melalui borang yang telah diedarkan kepada tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini. Padangan dan cadangan juga boleh dikemukakan melalui surat atau memorandum.

Pandangan tuan-tuan dan puan-puan adalah sangat berguna untuk Pasukan Kajian menambahbaik cadangan dan strategi untuk pembangunan yang lebih mesra rakyat. Untuk makluman tuan/puan, semua maklumbalas ini akan dipertimbangkan oleh oleh satu jawatankuasa yang dilantik oleh Jawatankuasa Perancang Negeri. Pandangan / maklumbalas tuan/puan adalah amat berharga.

Perancangan ini adalah melibatkan tanah kita, persekitaran kita dan juga masa depan kita serta generasi kita akan datang. Sehubungan itu saya berharap tuan-tuan dan puan-puan akan memberikan perhatian dan keutamaan untuk bersama-sama merancang untuk kesejahteraan masa depan kita semua.

**Yang Amat Berhormat, Yang berhormat, Yang berbahagia
Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,**

Akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian yang telah sudi melapangkan masa untuk hadir ke majlis ini dan berharap agar dapat memainkan peranan dalam Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Tempatan Daerah SPU dan SPT ini.

Ucapan terima kasih dan penghargaan juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penyediaan Perasmian Publisiti dan Penyertaan Awam ini, terutamanya kepada Pejabat Projek

Zon Utara, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia dan juga Pihak Urusetia MPSP.

Semoga dengan berkat kerjasama dan sokongan Tuan-tuan dan Puan-puan, Daerah Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah ini akan menjadi kawasan pembangunan pesat, teratur, indah, menarik, selesa di samping mencapai tahap antarabangsa yang dibanggakan.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima Kasih.